



# Memamah sumbang tiga pingat emas buat Terengganu

**TERENGGANU** menyambor tiga daripada empat pingat emas pada hari kedua acara memamah Sukan Malaysia (Sukma) 2014 yang berlangsung di Politeknik Tuanku Syed Sirajuddin, Paoh semalam.

Muhammad Shaifuddin Mohd. Kamro merangkul pingat emas bagi acara 50 meter (m) *recurve* lelaki apabila mengumpul keseluruhan 323 mata bagi menewaskan atlet Sabah, Billdean Borilung yang mengutip 320 mata manakala atlet Wilayah Persekutuan, Muhammad Aidid Azizi Azmi meraih gangsa dengan 319 mata. Shaifuddin berkata, dia tidak mengha-

dapi sebarang masalah untuk meraih pingat emas kedua peribadinya pada temasya kali ini meskipun terpaksa bersaing dengan beberapa pemamah pelapis kebangsaan.

"Ini merupakan pingat emas kedua saya dalam Sukma selepas saya menang acara 70m *recurve* semalam (kelmarin). Saya sudah mencapai sasaran peribadi tetapi saya ingin terus memburu lebih banyak pingat.

"Kejayaan ini juga menjadi pembakar semangat untuk saya beraksi cemerlang pada Kejohanan Universiti Dunia di Poland, Julai depan," kata atlet kelahiran Kemaman, Terengganu berusia 19 tahun itu.

Sementara itu, Nuramalia Haneesha Mazlan turut meletakkan namanya dalam senarai pemegang pingat emas buat Terengganu menerusi acara 50m *recurve* wanita apabila merekodkan 312 mata.

Pingat perak menjadi milik atlet Sarawak, Kho Yee Ting yang mengumpul 305 mata manakala pemamah Pulau Pinang, Loke Shin Hui meraih gangsa dengan catatan keseluruhan 305 mata.

Pingat emas ketiga skuad memamah Terengganu hadir menerusi Lutfi Hadi Mohd. Yusof menerusi acara 50m *compound* lelaki apabila dia mengumpul 341 mata manakala

perak milik atlet Selangor, Muhammad Ashraf Mohd. Adzeman dengan jumlah mata.

Pemamah Sabah, Wong Co Wan yang hanya ketinggalan dua mata di belakang pemegang pingat emas dan perak terpaksa berpuas hati dengan gangsa.

Pemamah Sarawak, Chai Oni Yii pula berjaya meraih pingat emas dalam acara 50m *compound* wanita dengan catatan 338 mata manakala perak dan gangsa masing-masing dimenangi dua atlet sabah, Camilly Cynthia Louis (337) dan Roniza Syafiqah Rommie Ong (336).